

Dua lagi rakyat asing dikesan positif Influenza A

Saringan pintu masuk negara diperketat untuk cuti musim panas

Oleh Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Dua lagi kes positif Influenza A (H1N1) dikesan di negara ini menjadikan keseluruhan kes yang dicatatkan setakat ini kepada sembilan kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican.

Beliau berkata, kes kelanang membabitkan pelajar perempuan warga Amerika Syarikat (AS) berusia 17 tahun, manakala kes kesembilan membabitkan wanita warga New Zealand berusia 52 tahun.

Bagaimanapun, katanya semua kes yang dicatatkan setakat ini adalah kes import dan tidak ada kes disebabkan penularan tempatan dikesan di negara ini.

"Pelajar terbabit dikesan mempunyai suhu badan yang tinggi oleh alat pengimbas suhu ketika proses saringan demam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan terus dirujuk ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban untuk rawatan lanjut.

"Difahamkan, pelajar yang ditemani ibu bapanya sudah mengalami demam 10 hari sebelum ke Malaysia dan keadaannya dilaporkan stabil selepas menerima rawatan antiviral," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Ismail berkata, wanita warga New Zealand yang disahkan positif H1N1 tiba di negara ini pada 5 Jun lalu dengan menaiki pesawat Ai-

rAsia DX7 2723 dari Melbourne, Australia iaitu pesawat yang sama dinaiki pelajar Australia yang disahkan sebagai kes ketujuh pada 6 Jun lalu.

"Wanita itu dikuarantin di dalam hotel selepas disahkan sebagai kontak kes ketujuh pada 7 Jun lalu dan mula mengalami demam, batuk dan sakit otot pada jam 11 malam hari yang sama.

"Berikutan itu, wanita terbabit dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan lanjut dan keadaan dilaporkan stabil," katanya.

Dr Mohd Ismail berkata, pihaknya sedang mengesan 20 penumpang bas persiaran dan kakitangan Hotel Holiday Inn, Pulau Pinang kerana hasil siasatan mendapati mereka melancong di sekitar negeri itu dengan bas persiaran dan tinggal di hotel terbabit.

Selain itu, beliau juga meminta semua penumpang pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH091 dari Newark, Amerika Syarikat yang tiba di KLIA pada 8 Jun lalu supaya menghubungi kementerian, khususnya penumpang yang duduk di barisan 15 hingga 21 dalam pesawat berkenaan.

Dalam pada itu, katanya, kementerian akan mengetatkan lagi proses saringan di semua pintu masuk ke negara ini, termasuk memperkenalkan tiga kriteria pelancong yang perlu menjalani pemeriksaan tambahan.

"Pelancong dari negara



“Wanita terbabit dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan lanjut”

Dr Mohd Ismail Merican

Ketua Pengarah Kesihatan

yang mencatatkan penularan tempatan, dari negara yang mempunyai kes H1N1 yang tinggi dan mempunyai radang paru-paru diwajibkan menjalani pemeriksaan di hospital.

"Bagi penumpang yang tidak termasuk dalam kriteria itu, sampel mereka akan diambil dan mereka diwajibkan menjalani kuarantin di rumah selama 24 jam termasuk memakai topeng muka sehingga hasil ujian dikeluarkan," katanya.

Dr Ismail berkata, langkah itu diharap mampu mengawal penularan H1N1 di negara ini khususnya sepanjang cuti musim panas di AS dan Eropah.

Sementara itu, semua klinik swasta di seluruh negara diwajibkan melaporkan kes denggi termasuk yang masih disyaki ke Pejabat Kesihatan Daerah

bagi membolehkan langkah pencegahan awal dilaksanakan di kawasan terbabit.

Dr Mohd Ismail berkata, langkah itu dianggap penting kerana segala tindakan mengawal wabak denggi yang dilaksanakan setakat ini gagal mencapai matlamat yang ditetapkan.

"Sebenarnya kita kecewa kerana pelbagai usaha dan program yang dilaksanakan gagal mengawal penularan wabak denggi khususnya di Selangor yang masih mencatatkan kes demam denggi yang tinggi.

"Walaupun jumlah terkumpul kes denggi sepanjang tahun ini hanyalah 22,426 kes berbanding 17,962 kes tahun lalu, jumlah kematian yang dicatatkan tinggi, iaitu 57 kes berbanding 35 kes tahun lalu," katanya.